

12/10/2002

Dr M bincang dengan Sultan Brunei

Lichong Angkui

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengadakan perbincangan empat mata dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkiah di Istana Nurul Iman, di sini.

Perbincangan disusuli majlis santapan malam dihoskan Sultan Brunei di istana berkenaan.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta isteri Sultan Brunei, Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Pengiran Isteri Hajah Mariam Haji Abdul Aziz.

Perbincangan kedua-dua pemimpin mencakupi pelbagai isu serantau dan antarabangsa membabitkan kepentingan bersama, termasuk perkara yang dibincang dalam pertemuan seumpamanya tahun lalu.

Terdahulu, ketibaan Perdana Menteri dan isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei kira-kira jam 5.35 petang disambut Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama Brunei, Pehin Dato Awang Haji Abdul Rahman selaku menteri pengiring dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sebelum itu, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Datuk Salman Ahmad, menaiki pesawat khas menjemput Perdana Menteri dan isteri sebelum diperkenalkan kepada orang kenamaan.

Dr Mahathir dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Brunei dan bersempena perundingan tahunan keenam dengan Sultan Hassanah Bolkiah.

Esok, Perdana Menteri dijadual bertemu rakyat Malaysia di Brunei di Pusat Konvensyen Antarabangsa.

Dalam pada itu, Dr Siti Hasmah mengadakan lawatan ke kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei di sini. Beliau diiringi isteri Menteri Luar, Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, kerjasama dan perhubungan dua hala Malaysia-Brunei sangat akrab dan tiada masalah.